



## Panggil Aku Dahlia

*Noor Suraya*

[Download now](#)

[Read Online ➔](#)

# **Panggil Aku Dahlia**

*Noor Suraya*

## **Panggil Aku Dahlia** Noor Suraya

“Ayah diserang strok, *Dahlia!* Ayah tiba-tiba jadi teringat padamu. Kamu tu cekal macam *Opah Orkid!*”  
puji ayah tiba-tiba.

Padahal dulu, bukankah aku telah disuruh pergi? Bukankah selepas peristiwa menyayat hati itu, aku bagaikan sudah menjadi anak perempuan orang lain, ayah?

Itulah asalnya kenapa *Dahlia*, pembantu kurator di Muzium Orang Asli Canberra pulang ke Malaysia. Dahlia sang archaeologist yang tidak tahu apa-apa tentang kebun teh, dan tidak ingin ambil tahu apa-apa tentang teh itu terpaksa berdepan dengan Teh Timor yang sudah menambun masalahnya!

Keadaan kian kusut pabila dia bertemu semula dengan si licik *Wadi*. Musuh tradisinya itu sanggup buat apa sahaja untuk merampas kebun Teh Timor demi memperluas ladang Teh Sutra miliknya.

Lalu apa pula muslihat *Wadi*? Tatkala tiba-tiba sahaja dia sanggup menyerahkan ladang teh miliknya sebagai mahar?

Perlukah *Dahlia* menerima dia, demi mendapatkan kembali tanah milik datuk ayahnya?

---

Editor : Mariah Mustapha

Penbaca Pruf : Hani Rahayu Kasim

Reka Bentuk Kulit : Kimskinez

Lukisan : Oly

Pencetak : Maju Indah

Cetakan Pertama : Oktober 2008

Cetakan Kedua : Disember 2008

## **Panggil Aku Dahlia Details**

Date : Published 2008 by Jemari Seni Publishing

ISBN :

Author : Noor Suraya

Format : Paperback 542 pages

Genre : Novels



[Download Panggil Aku Dahlia ...pdf](#)

 [Read Online Panggil Aku Dahlia ...pdf](#)

---

**Download and Read Free Online Panggil Aku Dahlia Noor Suraya**

---

## From Reader Review Panggil Aku Dahlia for online ebook

### F. Hanim says

Berasa ala-ala detektif di Cameron Highlands.

---

### Aina Dayana Hilmi says

Cerita mengenai Puteri Dahlia bt Megat Qais, anak tunggal kepada pengusaha Ladang Teh, Megat Qais dan Puan Lorrinda. Kisah tragis dan memalukan mengenai kematian ibunya membuatkan dia menjadi seorang perempuan yang tanpa emosi, tidak mudah mempamerkan perasaan, dan seorang yang pemendam. Kerjaya yang diminatinya, arkeologis terpaksa ditinggalkan kerana ayahnya memanggilnya pulang ke Tanah Rata.

Syarikat mereka dalam keadaan kritikal dan sudah pasti Dahlia yang perlu menyelamatkannya. Tetapi kenangan mengenai tentang naynya membuatkan dia beku, keras. Ayahnya berada di atas kerusi roda, stroke.

Pelbagai perkara berlaku selepas kepulangannya ke Tanah Rata. Pertemuan semula dengan musuh ketatnya, Wadi Hannan anak pemilik ladang teh sebelah sangat menjengkelkan. Rupanya ada peristiwa semasa sekolah yang membuatkan Dahlia mendendam pemuda itu. Tiga garis parut di bawah dagunya adalah kesan jenaka ‘jahat’ Wadi dan King Shah. Tapi siapa sangka, Wadi jatuh hati pada Dahlia! Huh, Puteri ‘sombong’ Dahlia, akhirnya si Wadi yang kasanova ni boleh ‘tunduk’ pada dia.

Tapi sikap benci yang ditunjukkan oleh Dahlia kadang-kadang buat saya terfikir. Susahnya kalau ada ‘musuh’ dalam hidup. Walaupun seorang tapi bikin hidup tak senang. Huhu.. Sebab itu dalam Islam dianjur amalan bermaaf-maafan dan Nabi pesan jika hendak bergurau, berguraulah benda yang BENAR. Seperti sebuah kisah yang menceritakan seorang nenek berjumpa Rasulullah SAW dan bertanya adakah orang sepertinya ada di dalam syurga. Rasulullah SAW menjawab tidak ada. Maka menangislah nenek tadi. Rasulullah SAW menyambung jawapannya “Kerana semua yang masuk ke dalam syurga Allah akan jadikannya muda semula”.. maka nenek itu pun ceria kembali. Liaht, Rasulullah SAW pun bergurau juga tapi ada kebenarannya. Bukan macam Wadi-Dahlia, jenaka mereka ‘kejam’ betul. Dahlia pun nakal juga, saya tak terfikir idea Kak Su (penulis) ni letak berudu dalam air sirap. Hehe..

Kepulangannya juga berjaya membongkar misteri di sebalik kematian naynya. Nay bermaksud ibu dalam bahasa Tagalog. Nay Dahlia berasal dari sana dan memeluk Islam untuk berkahwin dengan ayahnya. Malangnya, kehidupan mereka tidaklah mengamalkan ajaran Islam sepenuhnya. Kisah nay membunuh diri sangat mengaibkan keluarga Dahlia. Selepas kematian nay, dia dihantar belajar ke Australia dan masuk sekolah Islam di sana. Bacalah kesudahan cerita ini dan anda pasti tertarik untuk merasai nikmatnya minum teh di Rumah Teh Timor! :)

---

### Ctriko says

Memang berbaloi dan puas hati tahap M.A.K.S.I.M.A

Orang tua-tua cakap, jangan benci sangat, nanti jadi sayang!

---

**fizzrosie\_ says**

hati terasa ingin ke Cameron je , menghirup teh strawberry paling penting menikmati panaroma penuh kehijauan

---

**kuzzeen says**

6.12.2014: Ulang Baca

Kali ini aku 'memilih' hanya untuk membaca kisah si Putri 'Sombong'/'Tenang' Dahlia dan Wadi Hannan si anak hantu....

Ternyata aku memang 'pemilih' yang hebat... yang kemudian tetap 'tewas' di hujung perjuangan dengan kebanjiran air mata....

14.4.2014:

Aku belum berkesempatan mendapat Biru Ungu Cinta dan Tanah Adriayana, jadi jika ada fakta yang salah dalam review ini- rasanya x laku biar diangkat untuk dibicarakan :)

Juga hasil tuaian di alam maya atas alasan langsung x kan bertemu naskah2 lama JS di gudang2 buku di negeri 2 jambatan ini....

(for me)... ini naskah 'stand-alone' terbaik dari Noor Suraya. Semua pengikut penulis ini pasti sudah faham kegemarannya meng-cameo-kan watak2 daripada naskah2 yang lain. Ada Dr. Aqmar-Nur Khalida-Dara Aida dalam Jaja Dan Din juga Surat Ungu Untuk Nuha. Ada Kamal-Seera-Fatah dalam versi Ain Najwa. Dan ada edisi Ain Najwa dalam Duha-Umair. (let alone the prequel and sequel dalam mini novel kerana itu tidak boleh diambil kira). Panggil Aku Dahlia berdiri gagah hanya dengan Dahlia dan Wadi. *Oppss... ada si Adam dan Ain, tapi seperenggan sahaja.*

Panggil Aku Dahlia lebih remaja ceritanya. Lebih santai bahasanya dan lebih ringan kemelut jiwa pelakunya. Dan cubaan plot 'CSI' yang menjadi paksi pentas naskah ini wajar dipuji. Siapa kata penulis yang terbukti ketinggian dan kehalusan sasteranya tidak mampu melahirkan plot ala-ala thriller begini. Dengan ayat mudah, penulis ini lari daripada menggunakan 'template'nya yang biasa. Sesuatu yang segar kerana selalunya watak2 ciptaan Noor Suraya agak terasa aura ke-bangsawan-an-nya :)

Rasanya ini pertama kali aku bertembung dengan kenakalan kanak2 sekolah hasil buah tangan penulis ini. Air sharbat (sirap bandung) bercincaukan berudu.... yeakksss.

Kegatalan dan kemiangan si Wadi memang mencuit. Terasa sekali ke-gila-an teruna terhadap si buah hati. Tidak kurang juga ke-gedik-an dalam kesipuan si Dahlia untuk lelaki yang telah 'memberi tanda' (parut sepanjang 3 inci) kepadanya. Pasangan ini semanis strawberry yang dilumurkan whipping cream dengan sos coklat.

Jangan lupa kisah si dewasa(Qais-Rin-Maa'rof dan Farhan-Becky). Plot ini membicarakan tentang pertukaran agama berlandaskan cinta. Itu kelebihan Noor Suraya, mana ada naskahnya yang kosong, kan?.

Tentunya background tanah tinggi Cameron Highlands yang dilatarkan dengan terperinci dah indah sekali. Terus teringat betapa alergiknya aku dengan tempat yang satu itu; sang suami yang tidak pernah gagal mengunjungi CH setiap tahun sehingga menjemukan aku dan anak2. Mungkin ada Puteri Bunian yang melambainya ke sana..... :(

DAN....

Jangan terkejut dengan pengulangan berkali-kali ayat ini;

i) "Berbezanya hubungan Wadi dengan Dahlia, berbanding dengan gadis-gadis lain yang pernah Wadi kenal... Sonya Brunt, Deidre Ang, Noryn, Izian, Nadine atau siapa sahaja yang dia sendiri sudah lupa nama mereka."

ii)"Sepi.

Diam.

Hening."

CUMA....

Separuh masa pertama dikelirukan dengan penukaran POV (nasib baik hanya untuk Dahlia). Mungkin itu cara Noor Suraya...jujur aku kurang suka...

p/s i: Cover naskah ini adalah hasil tangan keras si Dahlia ketika lari supaya tidak se-kelab dengan Wadi ketika di sekolah. Lukisan kebanggaan si ayah. Bahan usikan si ibu kerana cakcibur/sibur-sibur/pepatung yang dilukis dah macam nyamuk eades tampilnya.

p/s ii: Naskah santai yang bisa meluruhkan air mata di penghujung cerita...

---

## Ogy Yusof says

buku ini bercerita. dari satu kejadian, ke satu kejadian yang lain. anda pembaca jangan mengharap pergerakan yang pantas. hayati dan selami perjalanan kisah buat anda dapat merasa setiap keindahan yang ada di dalamnya. bukan kisah yang sangat indah. ianya lebih pada penderitaan dalam diam seorang gadis bernama dahlia tapi keindahan sekeliling buat dahlia ini kelihatan cantik sentiasa.. kisah berkenaan apa ya?..

dahlia, yang kembali ke tempat asalnya di cameron highlands setelah bertahun tinggalkan tanah itu dan tinggal bersama makciknya di canberra. kembalinya dahlia di situ atas sebab kerana ayahnya meminta bantuannya kembali menguruskan syarikat teh timor. ayahnya juga diserang angin ahmar. dahlia yang berkelulusan dalam bidang arkeologi sememangnya buntu dan meminta bantuan sepupunya tasneem dan farhan dalam menguruskan semula syarikat ayahnya itu.. aduhai.. rupanya terlalu banyak masalah dalam syarikat tersebut. dan rupanya.... sudah terjual pun syarikat itu...

muncul watak wadi dalam sisi yang baik. kerana sebelum itu banyak kisah wadi yang bermusuhan dengan

dahlia di zaman persekolahan. wadi yang rupanya membeli tanah ladang ayah dahlia yang di lelong, juga kereta land rover ayah dahlia yang ditarik. tujuan?.. wadi terkenal dengan buaya kasanova masakan dia jatuh cinta pada dahlia yang bukanlah secantik mana. punya parut melintang di dagu angkara wadi juga di zaman persekolahan. wadi juga membuat proposal perniagaan yang menguntungkan di pihak dahlia. apakah tujuan wadi sebenarnya?

ada juga kisah tentang nay, ibu pada dahlia yang dikatakan membunuh diri yang membuatkan dahlia terpaksa meninggalkan tanahair. dahlia meneruskan misi. menyelongkar kebenaran dan muh buktikan pada ayahnya yang nay setia pada cinta bukan seburuk fitnah yang bertebaran juga abdul rahman anak sah ayahnya! besar tanggungjawab dahlia. dia juga membangunkan rumah rehat teh timor dalam usaha menjana pendapatan mereka di situ. suka dengan setiap olahan cerita, lambat tapi penuh kelembutan, tawar kelat tapi sangat manis penyampaian. pembaca sendiri dapat bayangkan keindahan tempat mereka diam, dan suasana walaupun hangat di dalamnya tapi sangat cantik dingin di permukaannya...

dalam kehidupan, tidak semua yang kita mahukan akan kita dapat, tak gitu puan penulis Noor Suraya Adnan Sallehudin? dahlia yang muh menjadi ahli arkeologi tapi end up menguruskan rumah rehat. dia yang mulanya memang tidak suka wadi akhirnya jejaka itulah yang di tunggu hingga belasan tahun. mahkamah dunia juga terbukti sememangnya amat tidak adil bila bukti yang boleh diadakan diguna pakai. tidak mengapalah, akhirat sana menanti. kesabaran dan ketabahan walaupun makan masa bertahun juga akan nampak jua cantik indahnya. ingat ya, buku ini bercerita. anda tidak akan jumpa banyak dialog tapi naratif dan monolog yang banyak bertindih. jadinya, cari masa santai dan duduk diam hayati kisah yang amat damai ini ya...

---

### **Gobokairina says**

Ngee~ Inilah novel pertama Kak Su yang ada dalam koleksi aku. Yang sebelum ni aku cuma mampu pinjam je kat library. Sebabnya tulisan Kak Su kebanyakannya terbitan Creative, dan aku waktu dulu2 xmampu nak beli hik3 lalala5

Macam biasa Kak Su penuh dengan humor. Ayatnya cukup simple, tak perlu nak berbelit2. Bunga2 bahasa pun rasanya mudah sangat nak difahami. Kisah ni tentang Dahlia, ha tepat sangat la dengan tajuknya ni. Apa lagi dengan covernya yang cukup menggambarkan bunga dahlia itu sendiri.

Putri Dahlia seorang arkeologist di bumi Kangaroo. Pulang ke Cameron Highlands kerana ayahnya. Membawa Dahlia kepada kisah silam yang amat menyayat hatinya, yang menjadi punca Dahlia lari dari tanah tehnya! Misteri yang dibawa mati oleh Lorrinda menjadi isu besar dalam hidup Dahlia. Apa lagi dengan perrusuhan dua keluarga yang berpunca dari perusahaan teh kini menjadi dua - Syarikat Teh Sutra dan Syarikat Teh Timor.

Dahlia bertemu kembali dengan musuh ketatnya – Wadi Hannan; si budak lelaki yang nakal [jim-alif-ha-ta:] hahaha... Dia paling suka mengacau Dahlia. Gurauannya menyebabkan gadis itu mendapat parut seumur hidup di bawah wajahnya. Di saat bertemu kembali dengan Dahlia, parut itu masih kekal di situ dan tika ini ada rasa yang menjalar. Dan buat pertama kalinya, Wadi telah jatuh cinta. Cinta pada si Dahlia yang biasa2 tu.

Dahlia kecewa kerana gagal menyelamatkan harta keluarganya. Wadi pula muncul dengan lamaran yang mengejutkan! Memang banyak perbuatan Wadi yang tak disangka2 hingga kata2 "Wadi ni la" meniti di bibir

Dahlia. Cerita ini tidak terasa kosong. Ada ilmu tentang sejarah arkeologi di Perak dan Pahang juga tak lupa jenis2 teh hik3 lalala5

---

**heril azwan says**

menyelusuri lubuk hati dahlia, begitu meruntun jiwa.

tabahnya dahlia menempuh liku2 hidup, mujurlah tidak terkeluar dari landasan.

suka dengan kisah ni, ada unsur2 suspense, cinta, n sejarah serba sedikit, diselitkan seadanya.

cuma, perubahan POV sedikit mengelirukan.

---

**Afifah. says**

Nak menitis air mata baca novel ni T\_\_\_\_\_T  
Dahlia, tabahnya anda.

---

**Syahirah says**

Manis sangat!

---

**Intan Musa says**

Dahlia dan Wadi Hannan bermusuh sejak dari zaman persekolahan lagi tapi kalau sudah tersurat mereka ada jodoh, mereka bersatu akhirnya. Hidup Dahlia penuh dengan duka. 'Nay' Dahlia disangka mati bunuh diri, ladang teh dicagarkan pada musuh keluarga dan ayah Dahlia sakit angin ahmar. Kemudian Dahlia dapat tahu dia punyai adik, Abdul Rahman yang mempunyai sakit ginjal. Tapi Dahlia cekal dalam menempuh semua itu. Dia bangkit dari kesusahan dengan tenang dan bersemangat. Dahlia dan Wadi menyulam kasih dalam diam. Mereka mengajar diri untuk 'percaya' dan 'setia' dan menunggu saat Wadi bersedia untuk menjadi nakhoda serta bilamasa Datuk Ma'arof meninggal dunia.

Suka sangat bila penantian serta kesabaran Dahlia tidak sia-sia. Tapi jangka waktu tersangat lah lama.

---

**Ain says**

Kisah ini memang 100% berlatarbelakangkan Cameron Highland. Sedangkan aku baru ke sana baru-baru ini. Daripada bacaan , dapat dibayangkan satu persatu tempatnya. Sungguh , aku memang suka Cameron

Highland , itu tempat wajib yang aku sekeluarga pergi setiap tahun. Kadang-kadang sampai berkali-kali dalam setahun. Membaca kisah di novel ini buat aku juga turut rasa dingin cameron highland itu.

Membaca kisah ini juga buat aku teringat pada novel Noor Suraya yang dulu2 - novel Tanah Andriyana. Kisah cinta antara uda dan dara sedangkan keluarga uda dan dara ini bermusuhan. Namun kisah Panggil Aku Dahlia lebih berat.

Watak Dahlia itu tabah yang amat. Kagum. Banyak betul dugaan. Dari kisah Nay ke kisah ladang teh yang mahu dirampas dll. Namun semangatnya tak pernah luntur. Dan terima kasih juga pada orang sekeliling yang trut sama membantu. Farhan , Tasneem , Mak Bibi , Pak Sayuti , Mia Zara dan pasti juga Wadi.

Wadi - aku suka cara dia mengorat cik Dahlia yang terang-terangan bermusuhan dengan dia. Mintak 24 jam masa untuk diluang bersama dengan Dahlia. Dan Dahlia tidak cepat melatah , pandai pula diberi syarat yang kena dengan prisipnya. I like.

Dan aku suka cara mereka berdua yang berterus-terang. Tiada persilihan faham yang berpanjangan. Kala Dahlia nampak Wadi dengan yang lain di KLCC, tiada sesi cemburu diam2 , terus saja dia tanya pada Wadi. Juga bila mama Wadi bawa kisah buruk anaknya , Dahlia terus minta penjelasan dari Wadi. Tiada la salah faham panjang2 , atau sesi mlarikan diri tanpa tahu cerita sebenar macam cerita novel melayu yang skeptikal.

Dan kisah pembongkaran kisah Nay , perlahan2 diceritakan. Tiada yang complicated mahupun yang terlalu memberatkan minda.

Kisah akhirnya , penantian mereka berdua , buat aku turut terbuai menanti mereka bersatu. Tapi 11 tahun lama sangat tuuu. aku pun turut sama mengira umur Dahlia , aku juga turut sama risau memikirkan Dahlia yang hanya tinggal sebelah ginjal itu. Baiklah endingnya begitu dan moga Wadi menjaga Dahlia dengan baik sekali =)

---

### **Yazlina Saduri says**

?Panggil Aku Dahlia karya gemersik Noor Suraya. Rasanya tak lama lagi buku ini jadi rare uteh. Kalau terjumpa dan belum baca, baik sambar cepat. Tak beli rugi.

Kalau nak baca buku Panggil Aku Dahlia, sila tarik nafas, urut-urut sikit pipi dan dahi, senyum dan senyum. Percayalah, sewaktu khusyuk membaca nanti, anda akan lebih banyak meregangkan muscles di wajah dengan mimik muka yang beritahu orang bahawa kita sedih, kita bengang dan kita gembira, lantas bibir mengukir senyuman. Bahasa indah begini, baca banyak kali pun tak rugi. Bosan? Kalau buku tulisan Kak Su, memang tak bosan punya. "Matahari itu bolehkah ditutup dengan nyiru?"

Kisah benci - sayang - cinta di tengah ladang teh Dahlia dan Wadi. Begitu banyak konflik, begitu panjang lara, begitu dalam luka di hati Dahlia, Dahlia yang berkulit gelap sawo matang, tidak cantik, bertubuh kecil, tidak pandai bergaya, namun penulis entah macam mana boleh buat Dahlia jadi bak seorang srikandi di medan perang. Dia bukan saja buah hati Wadi, dia juga penyejuk hati saya.

Setia itu cantik, percaya mempercayai itu molek, sabar itu indah... yang paling penting, teguh di bawah payung iman.

---

## **Yulia says**

“Ayah diserang strok, Dahlia! Ayah tiba-tiba jadi teringat padamu. Kamu tu cekal macam Opah Orkid!” puji ayah tiba-tiba.

\*\*\*

Padahal dulu, bukankah aku telah disuruh pergi? Bukankah selepas peristiwa menyayat hati itu, aku bagaikan sudah menjadi anak perempuan orang lain, ayah?

Itulah asalnya kenapa Dahlia, pembantu kurator di Muzium Orang Asli Canberra pulang ke Malaysia. Dahlia sang archaeologist yang tidak tahu apa-apa tentang kebun teh, dan tidak ingin ambil tahu apa-apa tentang teh itu terpaksa berdepan dengan Teh Timor yang sudah menambun masalahnya!

\*\*\*

Kedaaan kian kusut pabila dia bertemu semula dengan si licik Wadi. Musuh tradisinya itu sanggup buat apa sahaja untuk merampas kebun Teh Timor demi memperluas ladang Teh Sutra miliknya.

Lalu apa pula muslihat Wadi? Tatkala tiba-tiba sahaja dia sanggup menyerahkan ladang teh miliknya sebagai mahar? Perlukah Dahlia menerima dia, demi mendapatkan kembali tanah milik datuk ayahnya?

\* \* \*

Ringkasan dari saya:

Wadi Hannan dan Dahlia memang tidak pernah sebulu. Dari kecil mereka bergaduh dari sekecil-kecil sebab hingga ke sebesar-besar gajah kesalahan.

Wadi membala hingga tinggal parut di muka sebagai kenangan. Bukan sahaja mereka bermusuhan, malah keluarga mereka juga bermusuhan dari nenek moyang lagi.

\*\*\*

Setelah Dahlia di 'pos' kan oleh ayahnya ke Canberra, Dahlia kembali untuk membantu menyelamatkan kebun teh Timor milik keluarganya turun temurun. Sebelas tahun lamanya dia membesar bersama keluarga Auntie Taharah kakak kandung ayahnya. Membesar bersama Tasneem dan Farhan. Kerjayanya sebagai archieologist terpaksa disuaikan dengan mendalami sejarah keluarga sendiri. Menggali sebab bagaimana ibunya - 'nay' meninggal dunia. Mencari bukti yang nay tidak membunuh diri.

\*\*\*

Kebun Teh Timor akhirnya jatuh jua ke tangan musuh ketatnya Wadi Hannan. Semuanya tidak dapat diselamatkan lagi. Yang tinggal hanya la rumah Teh Timor, yang akhirnya Dahlia ubahsuai menjadi rumah hinggap. Wadi musuh, tetapi bagi yang Ustazah Munawwarah nasihatkan 'jangan membenci sesorang itu keterlaluan, nanti menjadi kekasih hati...' Begitulah yang terjadi pada hubungan Wadi-Dahlia. Hubungan mereka bagi tersembunyi disebalik kata-kata hati dan bicara mata.

Novel ini penuh dengan unsur-unsur sebab-akibat dan menyeru kita kembali ke jalanNya.

1. Perhubungan yang diredhai Allah. Cinta itu memang senang untuk disuntik dengan belalai syaitan.

Walaupun dalam keadaan yang berjaga-jaga.

2. Fitnah terhadap wanita yang suci merupakan satu dosa besar.

3. Hubungan sepupu sungguhpun bagi saudara sendiri, masih terbatas sebagai seorang bukan muhrim.

---

## **Nur Syazwani Binti Salleh says**

Kalau orang tu berjiwa besar, cinta yang datang pada dia pun bukan cinta yang mudah-mudah.

